

Partikel-partikel halus yang membunuh

Fenomena jerebu setiap tahun menggusarkan, mengundang pelbagai penyakit kepada golongan tertentu



INDEKS Pencemaran Udara (IPU) Nilai IPU / Status

- 0 - 50 Baik
- 51 - 100 Sederhana
- 101 - 200 Tidak Sihat
- 201 - 300 Sangat Tidak Sihat
- 301 - 500 Berbahaya

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.



DR MOHD TALIB

Dr. NAIMAH MUHAMMAD
naimah@karangiprf.com

MASIH terpahat dalam ingatan saya ketika Muar, Johor dinyatakan darurat pada tahun 2013. Sehari sebelum kerajaan mengumulkannya, saya telah pun berada di daerah itu bersama media lain.

Ketika itu, Muar saya ibaratkan seperti berada suasana film seram *The Others*, lakonan Nicole Kidman. Bayangkan, pada pukul 1 tengah hari, keadaan sangat berkabut, kelam dan seperti menjelang senja. Penglihatan juga sangat terhad. Pada jarak 100 meter, kelibat manusia tenggelam dalam debu-debu jerebu.

Angka penduduk yang kelihatan di pekan itu boleh dibilang dengan jari. Semuanya takut. Mereka 'berkurung' di rumah bagi mengelak implikasi buruk kepada diri sendiri dan keluarga. Sekolah, premis kerajaan, restoran rata-ratanya tidak beroperasi.

Kepada yang mempunyai urusan, mereka tiada pilihan lain. Namun, masing-masing memakai topeng dan cepat-cepat mahu meninggalkan destinasi. Menjelang pukul 5 petang, Muar sudah gelap. Sepertaka, jumlah yang mendapat rawatan di pusat kesihatan meningkat secara mendadak. Rakan-rakan yang membuat liputan termasuk di sini saya sendiri jatuh sakit. Itu penangan jerebu yang bukan calang-calang.

Namun, partikel-partikel halus yang mengundang jerebu itu seperti sudah menjadi 'acara tahunan' di negara ini. Bayangkan, hampir setiap tahun Malaysia berdepan dengan permasalahan sama tanpa ada titik penyelesaian.

Apabila diselak 'salasilah' jerebu, ia memang berkaitan dengan aktiviti pertanian melibatkan penebangan hutan dan pembakaran kawasan ladang hasil tangan manusia.

Berdasarkan rekod, Malaysia pernah diduga dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang begitu tinggi pada tahun 1997. Bacaan IPU tidak selamat berlaku lagi pada tahun 2005 yang mencecah bacaan 500 iaitu pada tahap berbahaya.

Ingatkan pada tahun 2019, negara bebas jerebu. Oh! Telahan itu salah. Pada 26 September lalu, daerah Batu Pahat mencatatkan IPU pada kepekatan partikel halus (PM) 1.02 (peringkat tidak sihat) dan beberapa bandar juga terpalit.

Jadi, benarlah ramalan pakar yang menyebut bahawa sepanjang tahun ini, jerebu dijangka berlaku pada bulan Mac akan berterusan hingga September. Apa yang pasti, 'gejala' itu boleh malarat hingga pertengahan Oktober bergantung kepada angin yang bertiup dari utara timur.

Tanah gambut

Mengulas mengenai permasalahan jerebu, *SihatAktif* menemui Timbalan Dekan Siswazah, Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohd Talib Latif.

Dr Mohd Talib menjelaskan, dari segi fizikal, setiap kali fenomena jerebu, pastinya jarak penglihatan menjadi terhad dan ia berlaku lantaran

peningkatan kepekatan jumlah zarah terampai halus di atmosfera.

Jelasnya, zarah itu menyebabkan cahaya pantulan dari sesuatu objek. Cahaya matahian diserakkan menyebabkan jarak penglihatan berkurangan.

"Masalah itu terjadi disebabkan suhu permukaan bumi sangat panas. Ditambah lagi pengurangan jumlah hujan dan wap air, sedangkan jumlah zarah di atmosfera lebih dominan," terangnya.

Bagaimana jerebu boleh memberi impak kepada kesihatan? Jelas Dr Mohd Talib, saiz zarah yang halus menyebabkan ia mudah disedut masuk ke dalam sistem pernafasan.

Kandungan zarah yang mengandungi bahan organik, inorganik yang tinggi seperti sebatian hidrokarbon poliaromatik dan logam surih seperti plumbum, kromium, kadmium, zink dan ferum.


"Sudah tentulah (faktor faktor di atas) memberikan kesan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, salah satu punca 'populer' jerebu dilaporkan adalah disebabkan pembakaran yang berlaku di kawasan tanah sangat kering iaitu tanah gambut.

Dengan suhu permukaan bumi yang panas, pembakaran tidak mengambil masa yang lama untuk merebak walaupun hanya dengan punca daripada api rokok, terangnya.

Asthma - Inflamed Bronchial Tube

JEREBU boleh menyebabkan saluran pernafasan menjadi sempit.



normal

asthma